

29 MAR 2003

Abdullah-Maklumat

UMNO PERLU PUNYAI PENGURUSAN DAN PENYEBARAN MAKLUMAT YANG TERBAIK

SEREMBAN, 29 Mac (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Umno perlu mempunyai pengurusan kerja dan penyebaran maklumat yang terbaik bagi menangkis tohmahan dan fitnah yang disebarikan mengenai parti itu.

Beliau berkata, jika penyebaran maklumat itu dilakukan secara banyak, cepat, tepat, segala tohmahan itu akan terjawab dengan segera.

"Kita mahu Umno...daripada segi pengurusan kerja dan penyebaran maklumat mestilah mempunyai pengurusan yang terbaik sekali jika dibandingkan parti yang lain.

"Maka dengan itu, penting sekali dalam cyber war (perang siber), semua (anggota) mendapat maklumat secukupnya. Unit Penerangan mesti diperkemaskan. Kumpulkan maklumat yang boleh diperolehi daripada punca dan sebarannya," kata Abdullah semasa merasmikan penutupan Seminar Teknologi Maklumat anjuran Puteri Umno yang bertemakan "Perang Maklumat dan Perlunya Pembudayaan IT" di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Ketua Puteri Azalina Othman Said, Ketua Wanita Negeri Sembilan Datuk Napsiah Omar, Ketua Pemuda Negeri Sembilan Abdul Ghani Hasan dan para Exco Kerajaan Negeri.

Seminar yang julung kali diadakan itu disertai 330 anggota Puteri dari 165 bahagian Umno. Ia bertujuan membimbing anggota Puteri Umno menjadi pakar dan petugas IT dalam menyebarkan maklumat dan menjawab segala isu yang hangat dibincangkan, khususnya yang disebarikan oleh golongan yang menentang parti itu.

Abdullah berkata anggota Puteri mesti berkemampuan untuk menangkis segala tuduhan yang dibuat oleh pihak lain dan tahu menilai apa yang palsu dan yang benar, supaya jawapan yang diberikan tepat dan bernas.

"Tetapi jawapan itu mesti segera diberikan, kerana jika tidak, kita (Umno) dianggap tidak ada kredibiliti. Jangan nanti orang menganggap kita tempat pembohongan atau laman web kita menyebarkan maklumat yang bohong semata-mata kerana tidak ada maklumat yang betul hendak dibincangkan," katanya.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno turut meminta semua anggota Puteri khususnya peserta seminar itu yang disifatkan sebagai "Komando Cyber War Puteri" supaya menyampaikan maklumat balas tentang apa juga isu yang dilihat, didengar dan fitnah yang sengaja disebarikan terhadap Umno menggunakan kemudahan teknologi maklumat sedia ada.

"Bagaimanapun, kita (semua anggota Umno) jangan berserah kepada Puteri sahaja. Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sendiri sering menjelaskan dan menjawab pelbagai isu yang dibangkitkan.

"Kita tidak bimbang kerana jawapan-jawapan itu (kepada isu itu) ada pada kita dan yang perlu kita menyampaikan jawapan kepada segala bentuk soalan itu dengan segera.

"Jika ini dapat kita lakukan, maka orang akan menghormati parti kita kerana mereka memahami dasar kita, memahami mengapa sesuatu isu itu ditangani parti kita," katanya.

Abdullah menyarankan supaya lebih ramai lagi anggota Puteri Umno dilatih mengenai IT di masa depan kerana dalam keadaan sekarang, golongan yang dapat memanfaatkan kemudahan IT yang ada dengan banyak, cepat dan tepat akan mendahului pihak lain.

Beliau percaya Puteri Umno mampu melaksanakan tugas menyebarkan

maklumat parti menggunakan kemudahan IT dengan banyak, cepat dan tepat serta lebih berkesan memandangkan kebanyakan anggota Puteri muda, terlatih dan terdedah dengan kemudahan yang ada.

Abdullah juga bersetuju menimbangkan tiga permohonan Puteri yang disampaikan Azalina dalam ucapannya iaitu Umno memperbanyakkan pakar IT dan Cyberwar, mewajibkan latihan untuk mewujudkan Unit Cyberwar Puteri di setiap bahagian dan Unit Cyberwar Puteri perlu dilengkapi sistem IT yang canggih termasuk "jalur lebar wayarles" untuk memudahkan "capaian" kepada Internet.

-- BERNAMA

APG RP PR